




Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2016 - 2018



— BEKERJA SECARA —
HARMONI



Bekerja Secara Harmoni

PIDM meraikan 10 tahun pencapaiannya pada tahun 2015, satu peristiwa penting dalam perjalanan kami untuk menjadi sebuah pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik.

Pada dekad yang lalu, kami telah berusaha gigih dalam mengukuhkan asas-asas kami sebagai sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik. Sebahagian daripada usaha ini termasuklah, antara lain, bahawa kami harus sentiasa bersedia untuk melindungi pen deposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan mana-mana institusi ahli.

Bekerja Secara Harmoni – reka bentuk kulit Ringkasan Rancangan Korporat ini merangkumi intipati mengenai bagaimana PIDM berperanan kepada komuniti dan sistem kewangan, dengan tujuan untuk melindungi kepentingan pemegang kepentingan utamanya, iaitu orang awam, pada setiap masa. Ia menggambarkan pelbagai komponen kerja yang perlu kami laksanakan dan bagaimana kami bekerjasama sebagai satu pasukan untuk memastikan peranan PIDM berfungsi dengan lancar dan dapat memenuhi mandat dan aspirasinya dengan cara yang sebaik mungkin.

“Komitmen individu untuk usaha berkumpulan – itulah yang menjadikan sesebuah pasukan berfungsi, syarikat membangun, masyarakat dibentuk dan tamadun terbina.”

Vince Lombardi

Mandat Perbadanan

Matlamat Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) adalah seperti berikut, iaitu, untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan deposit dalam bank ahli dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan manfaat takaful dan insurans bagi ahli penginsurans;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.


Dalam mencapai matlamat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Prakata kepada Akta PIDM menggariskan objektif polisi awam bagi sistem perlindungan Perbadanan dan memperakui bahawa:

- kestabilan sistem kewangan merupakan penentu utama dalam pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia;
- sistem perlindungan kami merupakan komponen penting jaringan keselamatan kewangan serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan;
- usaha yang pantas dan efisien adalah perlu bagi kami melaksanakan fungsi yang telah diberi mandat; dan
- peruntukan khas diperlukan untuk membolehkan Perbadanan melaksanakan tindakan resolusi dengan segera seperti yang digariskan di bawah Akta PIDM dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Perbadanan merupakan salah satu daripada peserta jaringan keselamatan kewangan dalam memastikan kestabilan sistem kewangan negara.

PIDM ialah Pihak Berkuasa Perlindungan Konsumer Kewangan Bersepadu bagi Pendeposit dan Pemilik Polisi





VISI KAMI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik



MISI KAMI

Melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti kita dan kakitangan kami



NILAI KORPORAT KAMI

- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan



OBJEKTIF KORPORAT KAMI

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif



Isi Kandungan

Babagian 1

Pengenalan

- 6 Di Mana Kami Hari Ini – Selepas 10 Tahun Beroperasi
- 6 Asas-Asas Terbina
- 7 Kakitangan Kami – Latihan dan Keterlibatan

Babagian 2

Pelan Strategik Jangka Panjang

- 9 Di Mana Kami Mahu Berada bagi Tempoh Jangka Panjang
- 9 Apakah Nilai yang Boleh Kami Tambah dan Bagaimana?
- 9 Visi dan Misi
- 9 Keutamaan Strategik

Babagian 3

Rancangan 2016 - 2018

- 11 Persekitaran Operasi
- 11 Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi
- 12 Andaian Perancangan Utama
- 13 Sorotan Rancangan Tiga Tahun Kami
- 14 Kad Skor Korporat 2016 - 2018
- 17 Rancangan Kewangan 2016
- 21 Unjuran Kewangan 2017 - 2018

Babagian 4

Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

- 25 Sorotan Pencapaian Utama Kami bagi Tahun 2015
- 27 Imbasan Kad Skor Korporat 2015
- 29 Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2015

Babagian 5

Langkah-Langkah Seterusnya

- 32 Ringkasan Rancangan Korporat 2016 - 2018
- 32 Memantau Kemajuan Berbanding Dengan Rancangan yang Diluluskan

Babagian 6

Kesimpulan

- 34 Halangan Pencapaian Rancangan Korporat
- 34 Ringkasan

Babagian 7

Lampiran

- 36 Mengenai Perbadanan
- 37 Institusi Ahli Kami
- 38 Lembaga Pengarah
- 39 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
- 40 Rangka Kerja Pengurusan Strategik
- 43 Butiran Hubungan

Bahagian 1 Pengenalan

Di Mana Kami Hari Ini – Selepas 10 Tahun Beroperasi
Asas-Asas Terbina
Kakitangan Kami – Latihan dan Keterlibatan

Pengenalan

DI MANA KAMI HARI INI – SELEPAS 10 TAHUN BEROPERASI

Tahun 2015 menandakan tahun ke-10 kami beroperasi. Ditubuhkan pada tahun 2005 untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit, perjalanan kami bermula dengan pembinaan asas yang kukuh sebagai matlamat utama kami. Sepanjang 10 tahun ini, bahagian-bahagian utama yang diberi tumpuan oleh kami ialah:

- a) membangunkan kakitangan dan infrastruktur kami;
- b) membangun dan mewujudkan tadbir urus dan pengurusan yang baik dalam organisasi; dan
- c) memastikan keupayaan kami untuk melaksanakan dengan efektif kesemua aspek mandat kami.

Sejak ditubuhkan, mandat kami telah berkembang melangkaui Sistem Insurans Deposit. Pada tahun 2008, apabila kebimbangan berkenaan kesan krisis kewangan global melanda kebanyakan negara di seluruh dunia, skop fungsi kami telah diperluaskan. Kami bertanggungjawab mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan bagi mengekalkan keyakinan awam dan kestabilan kewangan. Kemudiannya, pada akhir tahun 2010, apabila Malaysia menamatkan Jaminan Deposit Kerajaan, mandat kami diperluaskan untuk turut melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

ASAS-ASAS TERBINA

10 tahun kemudiannya, kami percaya bahawa kami telah mencatatkan kemajuan yang besar dan asas-asas kami adalah kukuh. Antara lainnya, kami:

<p>Diiktiraf mendukung amalan terbaik dalam tadbir urus korporat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan bagi “Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam” lima tahun berturut-turut. • Pendedahan Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan menyediakan rejim kebertanggungjawaban yang kukuh. • Aktif terlibat bersama dengan Bank Negara Malaysia (BNM), dalam mempromosikan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (<i>Financial Institutions’ Directors Education - FIDE</i>) serta menyokong alumninya, FIDE FORUM, untuk menggalakkan piawaian yang tinggi bagi tadbir urus korporat dalam institusi kewangan.
<p>Diiktiraf dalam bidang amalan kami</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima “Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik” daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers - IADI</i>) (2011). • Ahli pengasas Forum Antarabangsa Skim Jaminan Insurans (2012). • Dinilai sebagai mematuhi “Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif” oleh Program Penilaian Sektor Kewangan (2012) Tabung Kewangan Antarabangsa / Bank Dunia. • Peserta aktif dalam Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa. Menerajui kumpulan kerja Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa dalam bidang Sistem Insurans Deposit Islam.
<p>Diiktiraf memainkan peranan penting dalam kestabilan sistem kewangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Diminta untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan bagi memastikan keyakinan dalam kestabilan sistem kewangan. Liputan perlindungan diperluaskan kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans pada akhir tahun 2010. • Pihak berkuasa resolusi di Malaysia bagi semua bank ahli dan ahli penginsurans. • Diterima dalam Pelan Induk Sektor Kewangan negara 2011 - 2020 sebagai pihak berkuasa resolusi nasional dengan skop yang lebih meluas menjelang tahun 2020.

Pengenalan

Hasil-hasil penting berkenaan dengan matlamat berkanun kami termasuklah berikut:

Matlamat Berkanun Kami	Hasil Utama
Mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Islam dan konvensional	Membangun dan membentuk polisi, sistem, proses dan infrastruktur, serta peraturan dan undang-undang bagi kecekapan dan keberkesanan operasi. Sistem kami adalah unik di dunia kerana kami mentadbir kedua-dua sistem Islam dan konvensional dalam satu organisasi.
Melindungi pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans	<ul style="list-style-type: none"> • Operasi dan kakitangan bersiap sedia dengan pelan luar jangka yang menyeluruh untuk melaksanakan tujuan ini sekiranya sesuatu intervensi atau resolusi kegagalan diperlukan. • Kajian semula undang-undang yang berterusan (terutamanya kuasa intervensi dan resolusi kegagalan) bagi memastikan ia mencukupi dan relevan.
Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar	<ul style="list-style-type: none"> • Menubuhkan sistem premium dan sistem levi berbeza berasaskan risiko, yang menggalakkan institusi ahli berusaha ke arah mencapai kategori penilaian terbaik, untuk dikenakan premium lebih rendah. • Menggalakkan amalan tadbir urus korporat terbaik dalam institusi kewangan, kepimpinan melalui teladan, serta mempromosi program pendidikan tadbir urus korporat yang bertaraf dunia bagi pengarah institusi kewangan dan menyokong persatuan alumninya, FIDE FORUM.
Menggalak dan menyumbang kepada kestabilan dalam sistem kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan secara berterusan strategi dan inisiatif kesedaran awam untuk meningkatkan keyakinan awam. • Mengeluarkan Peraturan-Peraturan Maklumat yang mengkehendaki bank-bank ahli menyebarluaskan maklumat mengenai PIDM dan sistem-sistemnya yang mana berkaitan.

KAKITANGAN KAMI – LATIHAN DAN KETERLIBATAN

Berkenaan dengan kakitangan kami:

- Kami membuat pelaburan yang besar kepada tenaga kerja kami dengan tujuan untuk memupuk budaya dan nilai yang sesuai. Kami menumpukan kepada pembelajaran dan pembangunan, dan persekitaran kerja yang kondusif bagi pengambilan dan pengekalan kakitangan.
- Tenaga kerja kami berkembang dari tahun ke tahun bagi memenuhi mandat kami yang diperluaskan. Kami merancang untuk terus membangunkan tenaga kerja kami bagi menampung keperluan semasa dan masa depan organisasi kami. Pada tahun 2014, kami menyusun semula organisasi bagi pembangunan kepimpinan, pembelajaran dan perancangan pengurusan penggantian, semasa kami beralih ke fasa seterusnya pembangunan Perbadanan kami.
- Kami juga membangunkan Pelan Modal Insan Strategik jangka panjang yang akan memastikan visi kami bagi modal insan adalah sejajar dengan pelan dan hala tuju strategik jangka panjang kami.

- ▶ Pindahan pengetahuan dan kepakaran menerusi rangkaian antarabangsa bagi peningkatan pembelajaran dan pembangunan
- ▶ Melaksanakan Pelan Modal Insan Strategik dengan matlamat utama untuk memupuk budaya dan nilai yang sesuai, kemahiran menerusi pembelajaran dan pembangunan, dan persekitaran kerja yang kondusif
- ▶ Memberi penekanan kepada pembangunan kepimpinan, perancangan pengurusan penggantian, keterlibatan dan pengekalan kakitangan



Bahagian 2

Pelan Strategik Jangka Panjang

Di Mana Kami Mahu Berada bagi Tempoh Jangka Panjang

Apakah Nilai yang Boleh Kami Tambah dan Bagaimana?

Visi dan Misi

Keutamaan Strategik

Pelan Strategik Jangka Panjang

DI MANA KAMI MAHU BERADA BAGI TEMPOH JANGKA PANJANG

Semasa perancangan kami pada tahun 2015, kami menumpukan kepada masa depan jangka panjang kami. Objektif utama perancangan ini adalah untuk memastikan kami terus mempunyai pelan strategik kukuh yang akan membimbing kami dalam menyediakan nilai kepada pemegang kepentingan kami dalam tempoh jangka panjang. Persoalan utama yang kami mahu tangani dalam memutuskan hala tuju strategik jangka panjang kami adalah ini – *“Apakah nilai yang boleh kami terus tambah kepada pemegang kepentingan kami dalam tempoh jangka panjang?”*

APAKAH NILAI YANG BOLEH KAMI TAMBAH DAN BAGAIMANA?

Jelas sekali, kami perlu boleh melaksanakan mandat kami dengan efektif dan efisien. Kami perlu terus berjaga-jaga dan bersiap sedia dari segi operasi. Ini telah menjadi fokus tugas kami setakat ini dan akan terus dikekalkan. Namun, disebabkan oleh landskap perkhidmatan dan kawal selia kewangan yang terus berubah, kami perlu memantau dan sentiasa peka dengan perubahan dan cabaran ini. Kami perlu mampu menyesuaikan diri dan fleksibel untuk bertindak balas dengan segera, dan menjadi proaktif dalam menjangka, mengenal pasti dan menangani risiko-risiko utama.

Oleh sebab kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan yang berterusan adalah penting kepada kejayaan kami dalam memenuhi mandat kami, pelaksanaan kesemua rancangan kami dan tugas kami perlulah:

- secara berintegriti dan profesionalisme; dan
- dengan hasrat untuk memberikan sumbangan positif dan dihargai kepada masyarakat.

VISI DAN MISI

Visi kami ialah untuk menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik.

Misi kami ialah untuk melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti kita dan kakitangan kami.

KEUTAMAAN STRATEGIK

Pemacu utama yang membawa kepada keputusan kami bagi keutamaan strategik yang sejajar dengan hala tuju strategik jangka panjang termasuklah berikut:

Pemacu Utama	Keutamaan Strategik
<ul style="list-style-type: none"> Landskap perkhidmatan dan kawal selia kewangan telah berubah dan akan terus berubah. Justeru, kami memupuk budaya pembelajaran berterusan bagi memastikan kakitangan kami boleh menyesuaikan diri, menerima dengan terbuka idea-idea baharu, serta cara baharu dan lebih baik untuk melaksanakan kerja. Faktor kejayaan utama untuk mencapai matlamat kami adalah kakitangan kami. Oleh sebab itu, keupayaan untuk mengekalkan tenaga kerja yang telah kami latih, dan memastikan kakitangan kami terus berkembang dan bekerja dengan jayanya sebagai satu pasukan, juga merupakan kunci kepada kesediaan operasi kami yang berterusan. Kejayaan jangka panjang akan bergantung kepada pengekalan, keterlibatan dan kecekapan kakitangan kami. 	<p>Kami akan melaksanakan Pelan Modal Insan Strategik jangka panjang yang menangani sumber kritikal dan kecekapan teras yang akan membantu kami mencapai matlamat kami.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Secara sejabatnya, telah diperakui bahawa bidang kuasa perlu mempunyai suatu rejim resolusi yang efektif bagi meminimumkan risiko kegagalan tidak terkawal institusi kewangan yang boleh mengganggu perkhidmatan kewangan kritikal dan seterusnya, menjejaskan ekonomi secara keseluruhannya. Pelan Induk Sektor Kewangan 2011 - 2020 menggariskan bahawa peranan Perbadanan akan diperluaskan untuk menjadi pihak berkuasa resolusi nasional. 	<p>Kami akan berusaha membangunkan dan melaksanakan Pelan Rejim Resolusi Efektif.</p>
<ul style="list-style-type: none"> Orang awam bukan hanya perlu menyedari peranan dan tanggungjawab Perbadanan, tetapi juga mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap Perbadanan sebagai pengawal selia dan badan sektor awam. 	<p>Kami akan terus berusaha meningkatkan pembabitan pemegang kepentingan dan terus menggalakkan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat.</p>

Bahagian **3** Rancangan 2016 - 2018

Persekitaran Operasi

Ulasan Pengurusan Risiko Organisasi

Andaian Perancangan Utama

Sorotan Rancangan Tiga Tahun Kami

Kad Skor Korporat 2016 - 2018

Rancangan Kewangan 2016

Unjuran Kewangan 2017 - 2018

Rancangan 2016 - 2018

PERSEKITARAN OPERASI

Perbadanan terus memantau dan menilai aliran dan perkembangan ekonomi global dan domestik serta persekitaran operasi institusi ahlinya, menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi kami untuk mengenal pasti dan menilai semua risiko utama.

Berdasarkan kepada penelitian persekitaran kami, kami membuat kesimpulan seperti berikut:

- Memandangkan keadaan persekitaran global yang mencabar, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan. Disokong oleh permintaan domestik, kemungkinan pemulihan sederhana eksport dan keadaan monetari yang kondusif, kami menjangka ekonomi Malaysia terus kukuh tetapi dengan laluan pertumbuhan yang perlahan dan berkembang pada kadar perlahan pada tahun 2016.
- Landskap operasi dan persekitaran perniagaan adalah sangat mencabar. Bagaimanapun, sektor perbankan kekal kukuh, dengan permodalan teguh, kualiti aset stabil, keuntungan yang berkekalan dan mudah tunai mencukupi dalam keadaan pertumbuhan yang perlahan. Prospek bagi industri insurans juga terus mempamerkan prestasi kukuh, dengan tahap permodalan yang besar.

ULASAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Dalam penilaian risiko Pengurusan Risiko Organisasi terbaharu, kami merumuskan bahawa risiko-risiko kami dalam kategori berkaitan adalah sama ada "boleh diterima" atau "boleh diurus" dengan aliran risiko kekal stabil atau menurun seperti yang terdapat dalam jadual di bawah. Bagi kategori risiko yang dinilai sebagai "boleh diurus", pelan tindakan atau inisiatif khusus akan dilaksanakan untuk menangani risiko-risiko ini dan kami akan terus memantau pengkadaran risiko dan pelaksanaan pelan tindakan atau inisiatif tersebut.

Rancangan kami menggabungkan pelan tindakan risiko utama dan inisiatif bagi menangani risiko-risiko utama yang dikenal pasti dalam kategori berkaitan.

Kategori Risiko	Pengkadaran Risiko Residual	Aliran Risiko
a) Risiko Kewangan: Kumpulan risiko yang berpunca daripada pergerakan negatif dalam nilai aset dan liabiliti kewangan, kedua-duanya di dalam dan di luar lembaranimbangan. Kategori Risiko Kewangan, biasanya didorong oleh faktor-faktor luaran, secara umumnya terdiri daripada Risiko Pasaran (termasuk ekuiti, mata wang asing atau aset, kadar faedah yang memberi kesan kepada harga atau nilai), Risiko Mudah Tunai dan Risiko Kredit. ¹	●	—
b) Risiko Insurans: Kumpulan risiko berkaitan dengan keupayaan Perbadanan melaksanakan penilaian, pemantauan, intervensi, dan risiko berkaitan yang lain dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.	●	▼
c) Risiko Operasi: Risiko berkaitan dengan proses dalaman, kakitangan, teknologi maklumat, keperluan pematuhan dan keselamatan maklumat yang boleh menjejaskan keupayaan Perbadanan untuk melaksanakan mandatnya.	●	▼
d) Risiko Reputasi: Peristiwa yang mungkin memberi kesan negatif kepada kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap kemampuan dan keupayaan Perbadanan untuk melaksanakan mandatnya.	●	—
e) Risiko Strategik dan Tadbir Urus: Risiko yang menjejaskan pencapaian keutamaan strategik Perbadanan seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat dan risiko-risiko yang mungkin menghalang keberkesanan struktur dan proses tadbir urusnya.	●	▼

¹ Risiko Kewangan Perbadanan ketika ini bertumpu kepada dua subkategori risiko, iaitu, Risiko Pasaran dan Risiko Mudah Tunai

Pengkadaran Risiko Residual:

- **BOLEH DITERIMA** - Keseluruhannya, risiko residual boleh diterima dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya dilaksanakan.
- **BOLEH DIURUS** - Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pelan tindakan risiko sebagai mitigasi, dan tindakan mitigasi yang sesuai dan tepat pada masa dilaksanakan untuk menangani risiko tersebut.
- **PERINGATAN** - Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pemantauan rapi, dan / atau inisiatif yang telah dikenal pasti sebelumnya untuk mengukuhkan pengurusan risiko yang tidak dilaksanakan sepenuhnya, walaupun tindakan yang sesuai dan tepat pada masa sedang dijalankan untuk berbuat demikian.
- **KEBIMBANGAN SERIUS** - Keseluruhannya, risiko residual tidak boleh diterima; termasuk jurang ketara yang mungkin wujud dalam amalan dan kawalan pengurusan risiko.

Aliran Risiko:

- Stabil
- ▲ Meningkat
- ▼ Menurun

Rancangan 2016 - 2018

ANDAIAAN PERANCANGAN UTAMA

Rancangan ini adalah berdasarkan kepada andaian-andaian perancangan utama seperti berikut:

- Persekitaran ekonomi domestik dan sistem kewangan kita akan kekal berdaya tahan.
- Mandat kami akan kekal terkini dan relevan. Kami akan membangunkan cadangan polisi dan undang-undang untuk menyokong peranan kami yang dipertingkatkan sebagai Pihak Berkuasa Resolusi Nasional bagi yang bukan institusi ahli Perbadanan.
- Kami tidak menjangka sebarang keperluan bagi melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan terhadap mana-mana institusi ahli semasa tempoh perancangan. Bagaimanapun, kami perlu bersedia dari segi operasi, yang akan memerlukan pengukuhan berterusan kepakaran, instrumen dan sistem yang perlu bagi menyokong aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan serta aktiviti pelan resolusi.
- Berkenaan pembiayaan Perbadanan:
 - i) pendapatan premium dan levi akan meningkat sejajar dengan pertumbuhan dalam jumlah deposit diinsuranskan bagi bank-bank ahli dan jumlah sijil atau polisi yang layak bagi ahli penginsurans, seperti berikut:

Premium dan rangka kerja Dana Sasaran bank ahli

- Kadar premium di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi kategori kadar terbaik ialah 0.06% bagi tempoh perancangan ini.
- Tempoh masa untuk mencapai paras Dana Sasaran yang ditetapkan diunjur antara tujuh hingga sembilan tahun.

Levi dan rangka kerja Dana Sasaran ahli penginsurans

- Kadar levi akan berdasarkan kepada Sistem Levi Berbeza dan kadar diluluskan adalah yang dikira mengikut Liabiliti Penilaian Aktuari dan / atau premium bersih Jumlah Polisi / Sijil yang Layak.
- Rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am akan dilaksanakan pada tahun 2016 dan Dana Perlindungan Insurans Hayat dan Dana Perlindungan Takaful selepas itu akan dilaksanakan semasa tempoh perancangan ini.

- ii) pendapatan pelaburan dijana daripada rizab yang disimpan dalam enam Kumpulan Dana. Objektif Polisi Pelaburan kami ialah pemeliharaan modal. Sehubungan itu, diandaikan bahawa hasil pelaburan akan kekal stabil semasa tempoh perancangan ini.

- Perbadanan akan terus bergantung kepada kumpulan kakitangan yang mahir, yang disokong oleh penyedia perkhidmatan utama, rakan kongsi dan hubungan kerja berterusan yang baik dengan pemegang kepentingan utama.

Rancangan 2016 - 2018

SOROTAN RANCANGAN TIGA TAHUN KAMI

Keutamaan strategik menyokong aktiviti-aktiviti Perbadanan dalam tempoh perancangan ini. Sorotan inisiatif-inisiatif utama semasa tempoh perancangan tersebut adalah seperti berikut.

Keterlibatan dan Pengkelan Kakitangan

Hasil utama: Semasa tempoh perancangan, kami akan berusaha melaksanakan strategi modal insan utama dengan tujuan mencapai matlamat tenaga kerja kami sejajar dengan Pelan Modal Insan Strategik kami.

Bahagian	Inisiatif
Pengurusan tenaga kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Terus membangunkan kemahiran kepimpinan bagi kumpulan pengurusan. • Melaksanakan strategi pengurusan kerjaya. • Mengkaji semula dan mengesahkan model kecekapan semasa. • Memantau perancangan pengurusan penggantian dan melatih pengganti yang seterusnya.
Organisasi pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan rangka kerja dan strategi organisasi pembelajaran untuk pelaksanaan.
Keterlibatan kakitangan	<ul style="list-style-type: none"> • Terus memupuk budaya dan persekitaran kerja yang positif.

Rejim Resolusi Efektif

Hasil utama: Semasa tempoh perancangan, Perbadanan akan –

- membangunkan rangka kerja perancangan resolusi; dan
- bekerjasama dengan pihak berkuasa lain untuk menentukan skop peranan Perbadanan, serta isu polisi dan undang-undang berkaitan yang berhubung dengan resolusi nasional institusi kewangan yang bukan institusi ahli Perbadanan.

Objektif rejim resolusi yang efektif adalah untuk membolehkan pelaksanaan resolusi terhadap sesebuah institusi kewangan dilakukan dengan cara yang teratur, tanpa gangguan sistemik yang teruk dan tanpa mendedahkan pembayar cukai kepada kerugian, di samping melindungi fungsi-fungsi ekonomi yang penting.

Kami akan berpandukan kepada Ciri-Ciri Utama Rejim Resolusi Efektif Lembaga Kestabilan Kewangan bagi Institusi Kewangan tetapi akan memastikan rejim resolusi ini dapat diguna pakai di Malaysia. Asas pembangunan bagi rejim resolusi yang efektif dan inisiatif-inisiatif utamanya dinyatakan seperti di bawah.

Asas Pembangunan	Inisiatif
Kesediaan operasi – Intervensi dan Resolusi Kegagalan	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan suatu rangka kerja pelan resolusi bagi Institusi Kewangan Penting yang Sistemik. • Menyempurnakan pembangunan model penilaian yang menyokong penilaian pilihan resolusi kami. • Terus menjalankan simulasi bagi kesediaan intervensi dan resolusi kegagalan. • Membangunkan sistem untuk menyokong pembayaran balik tuntutan insurans yang lebih pantas sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans.
Kesediaan operasi – Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyempurnakan Dana Sasaran bagi kumpulan dana hayat dan takaful. • Terus membangunkan rancangan pembiayaan mudah tunai lain.

Rancangan 2016 - 2018

Rejim Resolusi Efektif

Asas Pembangunan	Inisiatif
Kesediaan operasi – Penilaian dan Pemantauan Risiko	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan “Model Ramalan Kegagalan Sistem Amaran Awal” bagi ahli penginsurans. Meningkatkan rangka kerja penilaian risiko bagi mengendalikan urusan perbankan Islam dan takaful. Membangunkan rangka kerja Sistem Premium Berbeza berasingan bagi bank ahli Islam.
Teknologi Maklumat dan infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan “Portal Industri PIDM” bagi menyediakan akses portal interaktif kepada institusi ahli untuk mengemukakan maklumat. Mengembangkan kemudahan kerjasama bagi kakitangan untuk mengakses dengan selamat sistem Teknologi Maklumat korporat dari jauh.
Pihak Berkuasa Resolusi Nasional	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan penyelidikan mengenai landskap kewangan semasa dan mengemukakan cadangan berhubung dengan polisi, undang-undang, pembiayaan dan isu-isu lain yang berkaitan. Berunding dengan pihak berkuasa lain bertujuan untuk menentukan skop peranan PIDM.

Penglibatan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat

Hasil utama: Sepanjang tempoh perancangan, Perbadanan akan bekerjasama dengan institusi ahli dan persatuan industri mereka serta FIDE FORUM untuk bertemu dan berbincang dengan pemegang kepentingan utama dan menggalakkan pengurusan risiko dan tadbir urus korporat yang mantap.

Bahagian	Inisiatif
Penglibatan pemegang kepentingan	<ul style="list-style-type: none"> Bertemu dan berbincang dengan pengawal selia dan penggubal dasar yang berkaitan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bertemu dan berbincang secara terus dengan institusi ahli dan persatuan industri mengenai perlindungan konsumen kewangan atau perkara-perkara resolusi.
Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan kesedaran awam mengenai PIDM. Menjalankan kaji selidik ekonomi tingkah laku konsumen bagi memahami dengan lebih baik tingkah laku orang ramai dalam situasi ekonomi yang tidak menentu. Meningkatkan profil dan kredibiliti Perbadanan menerusi pemprofilan dan penglibatan media, menyediakan pakar-pakar kami sebagai penceramah pada majlis serta persidangan antarabangsa berkaitan dan penyertaan daripada persatuan ahli.
Tadbir urus korporat	<ul style="list-style-type: none"> Terus menyediakan sokongan dan bekerjasama dengan FIDE FORUM untuk meningkatkan piawaian tadbir urus korporat dalam kalangan pengarah institusi kewangan di Malaysia.

KAD SKOR KORPORAT 2016 - 2018

Inisiatif korporat bagi tempoh perancangan ini dan sasaran masing-masing dinyatakan dalam halaman-halaman berikut.

Rancangan dan unjuran kewangan yang termasuk anggaran sumber bagi rancangan kami dinyatakan di halaman 17 hingga 23 Rancangan ini. Kemajuan inisiatif ke arah sasaran ini akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2016 kami.

Rancangan 2016 - 2018

KAD SKOR KORPORAT 2016 - 2018

Objektif Korporat	Inisiatif Korporat	Sasaran		
		2016	2017	2018
A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:			
	a. Kesedaran umum mengenai PIDM	58%	63%	65%
	b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	46%	50%	54%
	c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	28%	31%	35%
	2. Menyempurnakan dengan jayanya:			
	a. Pelan Komunikasi Bersepadu	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
B Perkongsian efektif	3. Hubungan PIDM dengan:			
	a. Bank Negara Malaysia (BNM)	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	b. Institusi ahli dan persatuan industri mereka	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan
	c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	d. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	e. Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans	Kukuh	Kukuh	Kukuh
f. Pemegang kepentingan utama lain	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan	
4. Forum antarabangsa lain	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	
C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	5a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Dipatuhi	Dipatuhi	Dipatuhi
	5b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama yang dipatuhi, serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini
	5c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
	6. Persatuan Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE FORUM)	Penyertaan aktif dan disokong	Penyertaan aktif dan disokong	Penyertaan aktif dan disokong
	7. Menyempurnakan dengan jayanya:			
	a. Penggubalan undang-undang PIDM yang kekal terkini dan relevan	Kajian semula	Kajian semula	Kajian semula
D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	8. Menyempurnakan dengan jayanya:			
	a. Sistem Amaran Awal bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dilaksanakan
	b. Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	Disempurnakan dan disimulasikan	Kajian semula
	c. Pelan intervensi dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks:			
	i. Rangka Kerja dan Garis Panduan Perancangan Resolusi	Dibangunkan dan disempurnakan	Kajian semula	Dirundingkan
ii. Rangka Kerja Penilaian Kebolehelesaian	Dibangunkan dan disempurnakan	Kajian semula	Kajian semula	

Rancangan 2016 - 2018

KAD SKOR KORPORAT 2016 - 2018

Objektif Korporat	Inisiatif Korporat	Sasaran		
		2016	2017	2018
D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	d. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:			
	i. Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium	Dibangunkan	Disempurnakan dan dilaksanakan	Dikekalkan
	ii. Sistem Pengurusan Tuntutan	Dibangunkan	Disempurnakan dan dilaksanakan	Dikekalkan
	iii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	-	Dibangunkan	Disempurnakan
	iv. Sistem Pengurusan Pembayaran	-	Dibangunkan	Disempurnakan
	e. Peraturan-Peraturan:			
	i. Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	Dipantau	Dipantau
	ii. Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dipantau	Dipantau	Dipantau
f. Program pematuhan institusi ahli dengan undang-undang PIDM bagi ahli penginsurans	Dibangunkan	Dibangunkan	Dilaksanakan	
E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi:			
	a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
	11. Pematuhan Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	12. Menyempurnakan dengan jayanya:			
	a(i). Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:			
	i(1). Dana Am	Kajian semula	Kajian semula	Kajian semula
	i(2). Dana Hayat	Dilaksanakan	Kajian semula	Kajian semula
	i(3). Kumpulan Dana Takaful	Dikaji selidik	Dibangunkan	Dilaksanakan
	a(ii). Rancangan pembiayaan alternatif	Disempurnakan	Kajian semula	Kajian semula
	b. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
c. Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Disempurnakan	Dikekalkan	Dikekalkan	
d. Pengurusan Keselamatan Maklumat Korporat	Dikekalkan	Dikekalkan	Dikekalkan	
F Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	13. Pelan Modal Insan Strategik	Dibangunkan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
G Persekitaran korporat yang kondusif	14. Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan (tinjauan dijalankan setiap dua tahun sekali bagi mengukur tahap keterlibatan kakitangan)	-	80%	-



Rancangan 2016 - 2018

RANCANGAN KEWANGAN 2016

Rancangan kewangan kami dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif yang dirancang dan digariskan seperti berikut.

a) Bajet Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi

	2016 Bajet		2015 Anggaran*		2015 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
PENDAPATAN						
Premium dan Levi**	512,550	85	442,006	85	364,500	83
Pendapatan Pelaburan	91,350	15	78,500	15	74,800	17
Pendapatan Pelbagai	-	-	805	- ***	-	-
Jumlah Pendapatan	603,900	100	521,311	100	439,300	100
PERBELANJAAN OPERASI						
Manfaat Kakitangan	58,750	48	51,055	54	57,250	53
Am dan Pentadbiran	48,150	40	30,550	32	37,300	34
Komunikasi	14,100	12	12,665	14	14,450	13
Jumlah Perbelanjaan Operasi	121,000	100	94,270	100	109,000	100
Lebihan Bersih	482,900		427,041		330,300	

b) Bajet Perbelanjaan Modal

	2016 Bajet		2015 Anggaran*		2015 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
PERBELANJAAN MODAL						
Kenderaan Motor	450	4	441	3	460	2
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	3,160	28	1,110	8	4,330	22
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	7,590	68	12,230	89	14,805	76
Jumlah Perbelanjaan Modal	11,200	100	13,781	100	19,595	100

* Anggaran 2015 = Sebenar (Jan - Nov 2015) + Anggaran (Dis 2015)

** Bagi tujuan Rancangan ini, "levi" atau "levi-levi" mempunyai makna sama seperti "premium" atau "premium-premium" dalam Akta PIDM 2011

*** Amaun berada jauh di bawah had bundar

Rancangan 2016 - 2018

c) Ulasan Bajet Pendapatan, Perbelanjaan Operasi dan Perbelanjaan Modal

Pendapatan

- Pendapatan yang dibajetkan daripada premium bagi tahun 2016 akan terus berdasarkan kepada struktur kadar Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit dan pendapatan yang dibajetkan daripada levi akan berdasarkan kepada struktur kadar Sistem Levi Berbeza bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Kami menganggarkan bajet premium sebanyak RM425 juta yang akan diterima daripada bank ahli pada tahun 2016, iaitu RM65.8 juta atau 18% lebih tinggi berbanding premium sebenar yang diterima pada tahun 2015. Ini disebabkan terutamanya oleh jangkaan pertumbuhan sederhana Jumlah Deposit Diinsuranskan.
- Kami menganggarkan bajet levi sebanyak RM87.6 juta yang akan diterima daripada ahli penginsurans, iaitu RM4.8 juta atau 6% lebih tinggi berbanding levi sebenar yang diterima pada tahun 2015. Bajet levi yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh berikut:
 - jangkaan pertumbuhan premium bersih dan Liabiliti Penilaian Aktuari bagi insurans am serta premium bersih dan Liabiliti Penilaian Aktuari untuk polisi tidak layak bagi insurans hayat;
 - jangkaan pertumbuhan sumbangan bersih dan Liabiliti Penilaian Aktuari bagi takaful am dan takaful keluarga; dan
 - pelarasan menaik tempoh peralihan bagi pengendali takaful am dan takaful keluarga.
- Pendapatan pelaburan bagi tahun 2016 dibajetkan berdasarkan kepada kadar hasil efektif purata wajaran, iaitu 3.25% pulangan bagi pelaburan berdasarkan Kadar Dasar Semalaman yang diumumkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari pada 5 November 2015.

Bajet Perbelanjaan Operasi

Pemacu kos utama bajet perbelanjaan operasi bagi tahun 2016 ialah:

- Perbelanjaan manfaat kakitangan, yang merupakan kos ganjaran tahunan bagi kakitangan kami dan pengambilan kakitangan baharu pada tahun 2016. Peningkatan perbelanjaan manfaat kakitangan disebabkan terutamanya oleh kenaikan gaji tahunan bagi kakitangan yang layak untuk memastikan pelan ganjaran kami kekal berdaya saing dan kompetitif dengan amalan pasaran, kesan kos pengambilan kakitangan baharu pada tahun 2016 dan jangkaan peningkatan kos insurans dan perubahan kakitangan yang konsisten dengan kenaikan premium insurans dan nisbah tuntutan sebenar bagi tahun 2015.
- Perbelanjaan am dan pentadbiran, yang berkait terutamanya dengan kos harian bagi pentadbiran operasi Perbadanan termasuklah operasi Teknologi Maklumat dan sumber dirancang yang diperlukan untuk menyokong semua inisiatif utama yang dikenal pasti bagi tahun 2016. Kenaikan ketara perbelanjaan am dan pentadbiran pada tahun 2016 disebabkan terutamanya oleh fi perkhidmatan profesional dan perundingan untuk membangunkan suatu rangka kerja perancangan resolusi dan penilaian kebolehelesaian serta kos menguruskan Pusat Pemulihan Bencana tetap yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada 1 September 2016.
- Bajet perbelanjaan komunikasi bertujuan untuk menyokong aktiviti komunikasi utama seperti yang digariskan dalam Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016 pelbagai tahun kami bagi meningkatkan kesedaran dan keyakinan terhadap peranan Perbadanan, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan untuk meningkatkan kesedaran dan celik kewangan, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Kos pengiklanan terus menunjukkan aliran meningkat yang konsisten dari tahun ke tahun bagi menampung potensi kenaikan harga iklan televisyen, cetak, radio dan media.

Bajet Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan modal bagi tahun 2016 bertujuan untuk menyokong rancangan sistem Teknologi Maklumat utama dan infrastruktur am kami seperti berikut:

- pengukuhan infrastruktur, kemudahan keselamatan dan sistem Teknologi Maklumat;
- pembangunan enjin teras bagi portal industri;
- pemasangan peralatan Teknologi Maklumat dan pembinaan kelengkapan dalaman bagi Pusat Pemulihan Bencana; dan
- kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat tambahan dalam bangunan pejabat.

Rancangan 2016 - 2018

d) Lembaran Imbangan Pro Forma

	2016 Bajet Jumlah	2015 Anggaran* Jumlah	2015 Bajet Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	15,000	15,000	14,990
Pelaburan	3,062,994	2,584,844	2,484,052
Aset lain	20,000	25,000	12,740
Hartanah dan peralatan	30,000	20,000	36,080
JUMLAH ASET	3,127,994	2,644,844	2,547,862
LIABILITI			
Akaun belum bayar	10,750	10,500	10,250
JUMLAH LIABILITI	10,750	10,500	10,250
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
Baki awal	1,298,240	973,123	973,137
Lebihan bagi tahun semasa	374,333	325,117	248,144
	1,672,573	1,298,240	1,221,281
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
Baki awal	1,336,104	1,234,180	1,234,175
Lebihan bagi tahun semasa	108,567	101,924	82,156
	1,444,671	1,336,104	1,316,331
JUMLAH KUMPULAN DANA DAN RIZAB	3,117,244	2,634,344	2,537,612
JUMLAH LIABILITI, KUMPULAN DANA DAN RIZAB	3,127,994	2,644,844	2,547,862

* Anggaran 2015 = Sebenar (Jan - Nov 2015) + Anggaran (Dis 2015)

Rancangan 2016 - 2018

e) Penyata Aliran Tunai Pro Forma

	2016 Bajet	2015 Anggaran*	2015 Bajet
	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli	512,550	442,006	364,500
Penerimaan pendapatan pelaburan	105,000	102,000	67,400
Penerimaan pendapatan pelbagai	-	795	-
Pembayaran semasa beroperasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(95,000)	(82,500)	(87,200)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	522,550	462,301	344,700
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan daripada jualan sekuriti pelaburan	3,075,000	2,930,000	3,055,000
Pembelian sekuriti pelaburan	(3,577,550)	(3,386,106)	(3,385,000)
Perolehan daripada jualan hartanah dan peralatan	-	15	-
Pembelian hartanah dan peralatan	(20,000)	(6,500)	(15,000)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(522,550)	(462,591)	(345,000)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	-	(290)	(300)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	15,000	15,290	15,290
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	15,000	15,000	14,990

* Anggaran 2015 = Sebenar (Jan - Nov 2015) + Anggaran (Dis 2015)

Rancangan 2016 - 2018

UNJURAN KEWANGAN 2017 - 2018

Unjuran kewangan bagi tahun 2017 dan 2018 telah disediakan berdasarkan kepada anggaran dan andaian konservatif merujuk kepada aliran pendapatan dan perbelanjaan Perbadanan yang lepas.

a) Penyata Pendapatan Komprehensif Pro Forma (Diunjur)

	Tahun-Ke-Tahun		Tahun-Ke-Tahun		2018 Unjuran
	2016 Bajet	kenaikan / (pengurangan)	2017 Unjuran	kenaikan / (pengurangan)	
PENDAPATAN	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000
Premium dan Levi	512,550	5	538,300	5	566,000
Pendapatan Pelaburan	91,350	20	109,500	15	126,400
Jumlah Pendapatan	603,900	7	647,800	7	692,400
PERBELANJAAN OPERASI					
Manfaat Kakitangan	58,750	6	62,300	6	66,100
Am dan Pentadbiran	48,150	(16)	40,300	5	42,300
Komunikasi	14,100	5	14,800	5	15,500
Jumlah Perbelanjaan Operasi	121,000	(3)	117,400	6	123,900
Lebihan Bersih	482,900	10	530,400	7	568,500

Pendapatan

- Premium dan levi dijangka meningkat dengan konsisten sebanyak 5% setahun. Kenaikan premium dijangka ini adalah sejajar dengan unjuran pertumbuhan sederhana Jumlah Deposit Diinsuranskan dan penggunaan kadar premium tahunan yang sama seperti yang diguna pakai bagi tahun taksiran 2015 untuk tahun 2017 dan 2018. Kenaikan levi akan sejajar dengan aliran sejarahnya sebelum ini.
- Unjuran pendapatan pelaburan bagi tahun 2017 dijangka meningkat dengan ketara dari tahun 2016 disebabkan oleh kumpulan dana boleh dilabur yang lebih tinggi hasil daripada premium dan levi lebih tinggi yang dijangka akan diterima pada tahun 2017 serta pendapatan pelaburan direalisasi yang lebih tinggi daripada Dana Skim Jaminan Insurans yang akan matang pada tahun 2017. Pendapatan pelaburan pada tahun 2018 dijangka meningkat pada kadar lebih rendah berbanding pada tahun 2017, kerana kadar hasil efektif purata wajaran bagi pelaburan semula Dana Skim Jaminan Insurans pada tahun 2018 dihadkan secara konservatif pada 3.25%.

Perbelanjaan Operasi

- Perbelanjaan manfaat kakitangan bagi tahun 2017 dan 2018 dijangka terus meningkat pada 6% setahun, konsisten dengan purata kenaikan gaji tahunan pada tahun-tahun sebelumnya serta kenaikan manfaat kakitangan lain dan kos berkaitan seperti kos insurans dan kos perubatan.
- Perbelanjaan am dan pentadbiran pada tahun 2017 diunjur lebih rendah berbanding amaun yang dibajetkan pada tahun 2016 disebabkan oleh perkara berikut:
 - fi perkhidmatan profesional dan perundingan yang lebih rendah kerana khidmat pakar perunding bagi pembangunan rangka kerja perancangan resolusi dan penilaian kebolehelesaian akan diperoleh pada tahun 2016;
 - pengurangan kos bagi penganjuran acara kerana tidak ada sebarang acara utama yang akan dianjurkan pada tahun 2017; dan
 - pengurangan sewa kerana tapak pemulihan bencana sementara akan diserahkan kepada BNM dalam suku akhir tahun 2016.

Bagaimanapun, susut nilai akan meningkat pada tahun 2017 sejajar dengan penyempurnaan pembinaan Pusat Pemulihan Bencana termasuk pemasangan peralatan Teknologi Maklumat dan kelengkapan dalaman.

- Perbelanjaan am dan pentadbiran lain yang termasuk kos telekomunikasi, kos utiliti, kos penyelenggaraan pejabat dan bangunan dan kos operasi berkaitan Teknologi Maklumat bagi pejabat Perbadanan dan Pusat Pemulihan Bencana diunjur meningkat secara konsisten pada tahun 2017 dan 2018 sebanyak 5% setahun.
- Biasiswa pendidikan dijangka meningkat secara konsisten pada tahun 2017 dan 2018 sejajar dengan penambahan penerima biasiswa daripada 10 kepada 20 setiap tahun.
- Perbelanjaan komunikasi diunjur meningkat secara konsisten pada tahun 2017 dan 2018 sejajar dengan peningkatan kos bagi pengiklanan di televisyen, cetak, radio dan media.

Rancangan 2016 - 2018

b) Lembaran Imbangan Pro Forma (Diunjur)

	2016 Bajet Jumlah	2017 Unjuran Jumlah	2018 Unjuran Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	15,000	13,500	14,500
Pelaburan	3,062,994	3,602,644	4,172,894
Aset lain	20,000	17,500	20,000
Hartanah dan peralatan	30,000	25,000	20,000
JUMLAH ASET	3,127,994	3,658,644	4,227,394
LIABILITI			
Akaun belum bayar	10,750	11,000	11,250
JUMLAH LIABILITI	10,750	11,000	11,250
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
Baki awal	1,298,240	1,672,573	2,080,311
Lebihan bagi tahun semasa	374,333	407,738	439,153
	1,672,573	2,080,311	2,519,464
Kumpulan Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
Baki awal	1,336,104	1,444,671	1,567,333
Lebihan bagi tahun semasa	108,567	122,662	129,347
	1,444,671	1,567,333	1,696,680
JUMLAH KUMPULAN DANA DAN RIZAB	3,117,224	3,647,644	4,216,144
JUMLAH LIABILITI, KUMPULAN DANA DAN RIZAB	3,127,994	3,658,644	4,227,394

Rancangan 2016 - 2018

c) Penyata Aliran Tunai Pro Forma (Diunjur)

	2016 Bajet	2017 Unjuran	2018 Unjuran
	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli	512,550	538,300	566,000
Penerimaan pendapatan pelaburan	105,000	120,000	145,000
Pembayaran semasa beroperasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(95,000)	(97,500)	(100,000)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	522,550	560,800	611,000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan daripada jualan sekuriti pelaburan	3,075,000	3,345,000	3,615,000
Pembelian sekuriti pelaburan	(3,577,550)	(3,897,300)	(4,217,500)
Pembelian hartanah dan kelengkapan	(20,000)	(10,000)	(7,500)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(522,550)	(562,300)	(610,000)
(Pengurangan) / kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	-	(1,500)	1,000
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	15,000	15,000	13,500
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	15,000	13,500	14,500

Bahagian 4 Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

Sorotan Pencapaian Utama Kami bagi Tahun 2015

Imbasan Kad Skor Korporat 2015

Prestasi Kewangan Lepas – Tahun 2015

Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

SOROTAN PENCAPAIAN UTAMA KAMI BAGI TAHUN 2015

Perbadanan mencapai kemajuan ketara dalam Rancangan Korporat 2015 - 2017, yang bertumpu kepada inisiatif-inisiatif untuk:

- mengukuhkan keberkesanan dan kesediaan operasi;
- membangunkan organisasi pembelajaran yang dinamik dan fokus kepada pengurusan tenaga kerja; dan
- meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumer kewangan.



PEMEGANG KEPENTINGAN

- Memenuhi keperluan perundangan dan menyerahkan Laporan Tahunan 2014 kepada Menteri Kewangan pada 31 Mac 2015.² Laporan Tahunan ini dikeluarkan kepada umum pada 28 Mei 2015.
- Inisiatif-inisiatif kesedaran awam:
 - bekerjasama dengan kartunis terkenal, Lat, dalam kempen pengiklanan baharu yang bertumpu kepada khalayak awam yang lebih meluas;
 - melancarkan Platform Pembelajaran Interaktif PIDM bagi kakitangan institusi ahli dan orang awam;
 - memeterai perjanjian kerjasama dengan Lions Clubs International District 308 B1 Malaysia untuk mendekati masyarakat; dan
 - bekerjasama dengan institusi ahli untuk memperakui kakitangan yang disasarkan di bawah program Melatih Pelatih dan akreditasi PIDM.
- Diiktiraf sebagai "Rakan Kokurikulum" oleh Kementerian Pendidikan.
- Menganjur dan menjadi tuan rumah persidangan dan seminar antarabangsa bagi pemegang kepentingan utama kami termasuk mempelawa persatuan industri, bank ahli dan ahli penginsurans untuk mengambil bahagian sebagai penceramah dan ahli panel bagi acara-acara berikut:
 - Persidangan Antarabangsa mengenai Skim Jaminan Insurans dengan tema "Pemulihan dan Resolusi Syarikat Insurans". Perbincangan makan malam juga diadakan sebagai sebahagian daripada aktiviti komitmen kami dengan ahli penginsurans;
 - Seminar mengenai Insurans Deposit Islam Ke-5 dengan tema "Elemen Penting bagi Sistem Insurans Deposit Islam yang Efektif: Tadbir Urus Syariah, Sumber-Sumber dan Pengurusan bagi Kumpulan Dana"; dan
 - Mesyuarat Agung dan Persidangan Tahunan Ke-14 Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa dengan tema "Persediaan Menghadapi Krisis – Rancangan dan Penyelarasan Institusi, Komunikasi Krisis dan Perancangan Luar Jangka".



TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN

- Tanggungjawab Sosial Korporat:
 - menganugerahkan biasiswa kepada 10 penerima luar dan tiga orang anak kakitangan di bawah Program Biasiswa kami;
 - menganjurkan kempen sumbangan tunai bagi para pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Krai di Kelantan yang terjejas akibat bencana banjir; dan
 - menyumbang 24 daripada komputer meja terpakai Perbadanan kepada sekolah terpilih dan organisasi bukan kerajaan.
- Terus menyokong persatuan alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE FORUM).
- Pindaan perundangan kepada Akta PIDM telah digubal pada lewat tahun 2015 yang mana:
 - kuasa resolusi PIDM diperluaskan dengan memasukkan kuasa pindahan syer; dan
 - peruntukan berkaitan dalam Akta tersebut kini selari dengan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, setakat mana yang berkaitan terutamanya mengenai resolusi institusi ahli.

² Dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 April 2015 dan Dewan Negara pada 21 April 2015

Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya



TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN

- Penilaian dan pemantauan risiko institusi ahli kami – mengeluarkan Garis Panduan mengenai Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit; Garis Panduan mengenai Program Pengesahan: Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit Diinsuranskan; dan Garis Panduan mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: Pengemukaan Pulangan Pengiraan Premium bagi Perniagaan Takaful dan Insurans.
- Menyerahkan draf Peraturan dan Arahan bagi Sistem Levi Berbeza bagi Takaful kepada Menteri Kewangan.
- Menyempurnakan polisi Dana Sasaran bagi Dana Insurans Am dan memulakan pembangunan Dana Sasaran bagi Dana Insurans Hayat.
- Mengendalikan bengkel kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan mengenai kes asas pembubaran bank disusuli dengan latihan simulasi bagi kegagalan bank.
- Membangunkan pilihan bagi rancangan pembiayaan mudah tunai alternatif.
- Berunding dengan industri dan menyempurnakan perundingan awam mengenai Peraturan-Peraturan Maklumat bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Menyempurnakan Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Korporat dan mengemas kini prosedur-prosedur bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk bersiap sedia dengan persijilan ISO 27001:2013.



PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

- Menyempurnakan profil kerjaya dan latihan pelan tindakan kerjaya bagi kakitangan.
- Mencapai indeks tahap keterlibatan berterusan sebanyak 88% (Tinjauan Keterlibatan Kakitangan).
- Terus memupuk nilai korporat kami dan mengukuhkan keterlibatan kakitangan menerusi pelbagai aktiviti.

Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

IMBASAN KAD SKOR KORPORAT 2015

Keputusan unjuran diringkaskan dalam imbasan Kad Skor Korporat 2015 seperti di bawah. Kesemua inisiatif utama yang dirancang telah disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan dengan 14 inisiatif berjalan lancar seperti yang dijadualkan, yang dijelaskan dengan lebih lanjut di halaman 28.

P Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet **F** Belum dimulakan / tarikh bermula pada masa hadapan **A** Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2015	Keputusan Unjuran Dis 2015
PEMEGANG KEPENTINGAN	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:		
		a. Kesedaran umum mengenai PIDM	53%	P ¹
		b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	42%	P ¹
		c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	33%	P ¹
		2. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Pelan Komunikasi Bersepadu	Dilaksanakan dan kajian semula	A	
	B Perkongasian efektif	3. Hubungan PIDM dengan:		
		a. Bank Negara Malaysia (BNM)	Kukuh	A
		b. Institusi ahli	Memuaskan	A
		c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain	Kukuh	A
d. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik		Kukuh	A	
e. Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans		Kukuh	A	
f. Pemegang kepentingan utama lain		Memuaskan	A	
4. Forum antarabangsa lain	Penyertaan aktif	A		
TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN	C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	5. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:		
		a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Tahap kepuasan tinggi	A
		b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Tahap kepuasan tinggi	A
		c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	A
	6. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a. Perundangan PIDM	Dikekalkan	A	
	D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
a. Rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi Takaful		Disempurnakan	P ²	
b. Sistem Amaran Awal bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans		Dibangunkan	P ³	
c. Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans		Dibangunkan	P ⁴	
d. Pelan intervensi dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks		Dibangunkan	P ⁵	
e. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:				
i. Sistem Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan		Dibangunkan	P ⁶	
ii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi		-	F ⁷	
iii. Sistem Pengurusan Pembayaran	-	F ⁷		

Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2015	Keputusan Unjuran Dis 2015
D	Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	f. Peraturan-Peraturan:		
		i. Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	P ⁸
		ii. Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	P ⁹
		g. Program pematuhan institusi ahli dengan perundangan PIDM bagi ahli penginsurans	-	F ¹⁰
		8. Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) dan FIDE FORUM	Penyertaan aktif dan disokong	A
E	Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi:		
		a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A
		b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A
		10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A ¹¹
		11. Kawalan Dalaman dan Pematuhan Pengurusan Risiko	Kukuh	A
		12. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a(i). Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
		i(1). Dana Am	Dilaksanakan	A
		i(2). Dana Hayat	Dibangunkan	A
		i(3). Kumpulan Dana Takaful	Dikaji selidik	P ¹²
		a(ii). Rancangan pembiayaan alternatif	Disempurnakan	A
		b. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan	Disempurnakan	P ¹³
		c. Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Pembinaan	P ¹⁴
d. Pengurusan Keselamatan Maklumat Korporat	Dibangunkan	P ¹⁵		
F	Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	13. Pelan Strategik Modal Insan Tahunan	Disempurnakan	A
G	Persekitaran korporat yang kondusif	14. Indeks Tahap Komitmen dan Kepuasan Kerja Kakitangan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali bagi mengukur tahap kepuasan kakitangan)	80%	A

¹ Tinjauan konsumer dijalankan pada suku 3, 2015, dan keputusannya akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2015.

² Peraturan-peraturan dan arahan dijangka dikeluarkan pada tahun 2016.

³ Pembangunan Model Ramalan Penarafan Sistem Amaran Awal berjalan lancar dan akan diteruskan ke tahun 2016.

⁴ Pembangunan Model Penilaian berjalan lancar dan dijangka disempurnakan pada tahun 2017.

⁵ Usaha penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan pelan resolusi bagi institusi kewangan kompleks berjalan lancar dan akan diteruskan ke tahun 2016.

⁶ Pembangunan Sistem Pembayaran Balik Premium dan Sistem Pengurusan Tuntutan berjalan lancar dan dijangka disempurnakan pada tahun 2017.

⁷ Inisiatif ini telah dirancang bagi pembangunan pada tahun 2017 sebagaimana Rancangan 2016 - 2018.

⁸ Peraturan-peraturan dijangka dikeluarkan pada tahun 2016, sementara menunggu proses diwartakan.

⁹ Peraturan-peraturan yang dikaji semula ini akan dikeluarkan pada tahun 2016, sementara menunggu proses diwartakan.

¹⁰ Inisiatif ini telah dirancang bagi pembangunan pada tahun 2016 sebagaimana Rancangan 2016 - 2018.

¹¹ Kami mencapai perbezaan positif bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan perbelanjaan modal.

¹² Usaha penyelidikan ini akan diteruskan pada tahun 2016.

¹³ Kami telah menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali bagi inisiatif-inisiatif berikut yang telah ditangguhkan:

- Pelaksanaan Fasa 2 dan Fasa 3 Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan.

- Pelaksanaan program keselamatan maklumat untuk menilai keadaan dan risiko dalam persekitaran infrastruktur dan sistem Teknologi Maklumat Perbadanan.

¹⁴ Pembinaan Pusat Pemulihan Bencana berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan akan disempurnakan pada tahun 2016.

¹⁵ Audit bagi tahap kesediaan persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat akan dijalankan pada tahun 2016.

Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

PRESTASI KEWANGAN LEPAS – TAHUN 2015

a) Keputusan Operasi

	2015 Anggaran*	2015 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
PENDAPATAN				
Premium dan Levi	442,006	364,500	77,506	21
Pendapatan Pelaburan	78,500	74,800	3,700	5
Pendapatan Pelbagai	805	-	805	-
Jumlah Pendapatan	521,311	439,300	82,011	19
PERBELANJAAN OPERASI				
Manfaat Kakitangan	51,055	57,250	6,195	11
Am dan Pentadbiran	30,550	37,300	6,750	18
Komunikasi	12,665	14,450	1,785	12
Jumlah Perbelanjaan Operasi	94,270	109,000	14,730	14
Lebihan Bersih	427,041	330,300	96,741	29

b) Perbelanjaan Modal

	2015 Anggaran*	2015 Bajet	Perbezaan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
PERBELANJAAN MODAL				
Kenderaan Motor	441	460	19	4
Perabot, Kelengkapan dan Ubah Suai Pejabat	1,110	4,330	3,220	74
Sistem Komputer dan Peralatan Pejabat	12,230	14,805	2,575	17
Jumlah Perbelanjaan Modal	13,781	19,595	5,814	30

* Anggaran 2015 = Sebenar (Jan - Nov 2015) + Anggaran (Dis 2015)

Perbandingan Prestasi Dengan Rancangan Korporat Tahun Sebelumnya

c) Ulasan Prestasi Kewangan 2015

Keputusan Operasi

Kami menganggarkan lebih bersih operasi kira-kira RM427 juta berbanding RM330.3 juta seperti yang dibajetkan dalam Rancangan kami. Anggaran lebih ini lebih tinggi sebanyak RM96.7 juta atau 29%, disebabkan terutamanya oleh premium dan levi lebih tinggi yang diterima pada tahun 2015 serta perbezaan positif bagi perbelanjaan operasi berbanding bajet.

Pendapatan

- Jumlah premium dan levi yang diterima daripada institusi ahli pada tahun ini ialah sebanyak RM442 juta, iaitu lebih tinggi berbanding bajet sebanyak RM77.5 juta atau 21%.
- Pendapatan pelaburan adalah 5% lebih tinggi berbanding bajet, disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam asas kumpulan dana yang boleh dilaburkan serta aliran meningkat kadar hasil efektif purata pasaran seperti yang dilihat sepanjang tahun ini.
- Pendapatan pelbagai terdiri daripada sumbangan persidangan tahunan yang diterima daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa untuk menjadi tuan rumah Persidangan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa tahunan di Kuala Lumpur, serta yuran penyertaan yang diterima daripada peserta antarabangsa yang menghadiri Persidangan tersebut dan perolehan daripada jualan hartanah dan peralatan.

Perbelanjaan Operasi

- Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2015 dianggarkan sebanyak RM94.3 juta, iaitu RM14.7 juta atau 14% lebih rendah berbanding bajet.
- Perbezaan utama perbelanjaan operasi ini berbanding bajet adalah seperti berikut:
 - perbezaan positif bagi perbelanjaan manfaat kakitangan disebabkan terutamanya oleh bilangan kakitangan yang lebih rendah pada akhir tahun berbanding bajet hasil daripada penjadualan masa pengambilan kakitangan baharu serta peletakan jawatan beberapa kakitangan;
 - jangkaan perbezaan positif bagi perbelanjaan am dan pentadbiran adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih rendah bagi fi perkhidmatan profesional dan pakar runding, perbelanjaan berkaitan lembaga pengarah, program biasiswa dan perbelanjaan perjalanan; dan
 - perbezaan positif bagi perbelanjaan komunikasi disebabkan terutamanya oleh pendekatan berbeza yang diambil bagi program pendidikan (iaitu kempen berasaskan digital).

Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan modal dianggarkan berjumlah RM5.8 juta atau 30% lebih rendah berbanding bajet terutamanya disebabkan oleh berikut:

- perubahan pendekatan bagi pembangunan Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Model Penilaian akan dibangunkan sendiri dan bukannya dengan mendapatkan perunding luar seperti yang dirancang sebelumnya;
- penangguhan pemasangan peralatan teknologi maklumat dan kelengkapan dalaman bagi Pusat Pemulihan Bencana yang dijangka bermula pada Mac 2016; dan
- penjimatan kos bagi pengubahsuaian ruang pejabat tambahan dalam bangunan pejabat.

Metodologi Peruntukan Kos

Sepanjang tahun ini, kami memantau, merekod dan memperuntukkan perbelanjaan operasi dan modal antara dua sistem perlindungan dan enam Kumpulan Dana masing-masing. Bagi tahun 2015, peruntukan perbelanjaan operasi bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans masing-masing ialah pada 76% dan 24%, manakala peruntukan perbelanjaan modal masing-masing ialah pada 55% dan 45%. Kami akan terus memperuntukkan semua kos langsung dan kos tidak langsung kepada Kumpulan Dana masing-masing berdasarkan kepada undang-undang yang relevan.

Secara ringkasnya, kami mencapai perbezaan positif dalam kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal kerana kami terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dan kawalan dalaman yang kukuh. Sepanjang tahun ini, kami melaksanakan inisiatif-inisiatif utama yang dirancang seperti yang digariskan dalam Rancangan kami. Semua inisiatif-inisiatif ini telah disempurnakan mengikut rancangan kewangan yang diluluskan.

Bahagian 5 Langkah-Langkah Seterusnya

Ringkasan Rancangan Korporat 2016 - 2018

Memantau Kemajuan Berbanding Dengan Rancangan yang Diluluskan

Langkah-Langkah Seterusnya

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2016 - 2018

“Ringkasan Rancangan Korporat 2016 - 2018” menyediakan rancangan urusan tahap korporat yang disebarluaskan kepada orang awam. Rancangan Korporat ini merupakan ringkasan inisiatif korporat seperti kebanyakan inisiatif lain yang dijangka dicapai sepanjang tempoh perancangan tersebut.

Inisiatif-inisiatif kami akan dilaksanakan ke seluruh Perbadanan bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama individu dibangunkan. Program pengajian dan ganjaran Perbadanan dikaitkan kepada pencapaian sasaran tahunan yang digariskan dalam Rancangan ini.

MEMANTAU KEMAJUAN BERBANDING DENGAN RANCANGAN YANG DILULUSKAN

Penyempurnaan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif 2016 - 2018 akan dipantau. Bagi setiap setengah tahun, Pengurusan akan membentangkan pelaporan mengenai prestasi berbanding Rancangan ini kepada kedua-dua Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah yang mana pelaporan ini mengandungi ringkasan berkenaan:

- a) pencapaian dan kemajuan inisiatif berbanding sasaran yang ditetapkan dalam Kad Skor Korporat; dan
- b) keputusan dan perbezaan kewangan utama.

Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan kemajuan bagi mencapai inisiatif-inisiatif tersebut, anggaran kewangan juga disediakan.

Kami akan terus memantau persekitaran kami bagi memastikan Rancangan kami kekal relevan dan menunjukkan perubahan dalam keutamaan dan strategi Perbadanan. Semakan semula mungkin dibuat terhadap Rancangan kami yang mana bersesuaian, yang mana terdapat perubahan dalam andaian, keutamaan atau perkembangan negatif yang ketara.

Bahagian 6 Kesimpulan

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat
Ringkasan



Kesimpulan

HALANGAN PENCAPAIAN RANCANGAN KORPORAT

Aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan dalam institusi ahli yang bermasalah atau potensi kehilangan kakitangan utama memerlukan kami membuat pengutamaan semula inisiatif yang dirancang dan penumpuan semula sumber tersedia kami terhadap usaha yang sedang dijalankan. Bagi menangani potensi risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan ini, kami telah membangunkan pelan tindakan berikut:

- sekiranya aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan berlaku semasa tempoh perancangan ini, kami akan membuat pengutamaan semula inisiatif kami dan menyelaraskan sumber tersedia kami dan pada masa yang sama, mengekalkan operasi semua fungsi kritikal; dan
- kami terus memantau perancangan pengurusan penggantian bagi jawatan-jawatan utama untuk memastikan kesan daripada kehilangan kakitangan penting dapat dikurangkan.

Meskipun peristiwa-peristiwa sedemikian adalah di luar kawalan kami, kami akan terus memantau persekitaran operasi bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan kami dapat diuruskan dan ditangani dengan berkesan.

RINGKASAN

Kesimpulannya, kami telah mengambil kira potensi kesan risiko strategik dan isu-isu kritikal utama kami yang berkaitan dengan mandat dan aspirasi kami. Pemacu utama yang menyokong hala tuju strategik jangka panjang dan pelan tindakan kami untuk mencapai objektif utama kami termasuklah berikut:

- a) mandat dan aspirasi kami; dan
- b) industri kewangan yang menjadi semakin kompleks.

Keadaan industri kewangan yang semakin kompleks merupakan satu daripada risiko strategik terbesar kepada pencapaian mandat dan aspirasi kami bagi tempoh jangka panjang. Secara domestiknya, industri perkhidmatan kewangan kita telah merangkumi segalanya – daripada modal, kepada pertumbuhan perniagaan dan pekerjaan, serta, kepada ekonomi secara keseluruhannya. Ketika dunia menjadi semakin global dan industri perkhidmatan kewangan semakin saling berkaitan, kita semakin berdepan dengan isu-isu dan kelemahan baharu.

Bagi mencapai mandat dan aspirasi kami, tumpuan kami seterusnya difokuskan dalam memastikan perkara-perkara berikut:

- kami terus beroperasi dengan efektif dan bersedia sedia sepanjang masa; dan
- kami dapat cepat menyesuaikan diri untuk mengekalkan kejayaan bagi tempoh jangka panjang dalam apa jua keadaan.

Pada masa hadapan, inisiatif-inisiatif kami akan menyokong strategi jangka panjang kami:

- a) Pengurusan dan pembangunan tenaga kerja akan menjadi kunci bagi memastikan kakitangan kami dilengkapi dengan kecekapan yang perlu dan terus komited untuk melaksanakan mandat kami dengan efektif dan efisien. Kami merancang melaksanakan Pelan Modal Insan Strategik kami bagi memastikan dalam tempoh jangka panjang, kami dapat mengekalkan pasukan yang cekap, boleh menyesuaikan diri dan pasukan komited yang boleh menyahut cabaran dan mencapai aspirasi jangka panjang kami.
- b) Kami akan terus memastikan tahap kesediaan untuk aktiviti intervensi sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Sebagai sebahagian daripada rejim resolusi efektif, ini bermakna untuk terus memastikan semua elemen utama telah disediakan – bahawa wujud kesedaran awam mengenai Perbadanan dan sistem-sistemnya; bahawa dengan menggalakkan tadbir urus korporat dalam Perbadanan dan juga industri, orang ramai akan mempunyai keyakinan terhadap Perbadanan dan kestabilan sistem kewangan.

Selain daripada itu, kami perlu menyempurnakan penubuhan rejim resolusi yang efektif bertujuan bagi memastikan mana-mana kegagalan institusi kewangan – tanpa mengambil kira saiz dan kerumitannya – boleh ditangani secara teratur, dengan kesan buruk yang minimum kepada ekonomi dan kos yang rendah kepada orang ramai. Sebagai sebahagian penting daripada jaringan keselamatan kewangan, ini merupakan satu daripada tanggungjawab utama kami pada masa hadapan, supaya kami dapat memenuhi mandat dan aspirasi kami dan akhirnya, mengekalkan kestabilan kewangan dalam jangka masa panjang.

Bahagian 7 Lampiran


Mengenai Perbadanan
Institusi Ahli Kami
Lembaga Pengarah
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
Rangka Kerja Pengurusan Strategik
Butiran Hubungan

Mengenai Perbadanan

PIDM merupakan badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM). Peranan kami di bawah Akta PIDM adalah untuk mentadbir dan menyediakan insurans deposit bagi melindungi pendeposit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit mereka serta perlindungan manfaat takaful dan insurans untuk melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Di samping itu, PIDM diberi kuasa dari segi undang-undang untuk bertindak sebagai pihak berkuasa resolusi nasional bagi institusi ahli.

Sebagai sebahagian penting daripada jaringan keselamatan kewangan negara, kami mempunyai kuasa yang luas untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap, melaksanakan intervensi awal dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah dan bertindak demi kepentingan pendeposit dan pemilik polisi insurans dan sijil takaful.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation*, terutamanya dalam konteks antarabangsa.



Institusi Ahli Kami

Institusi ahli PIDM terdiri daripada:

- bank perdagangan dan bank Islam, termasuk bank luar negara yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan
- syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau insurans am di Malaysia dan pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau takaful am di Malaysia.

Pada 31 Disember 2015, institusi ahli PIDM ialah seperti berikut:

BANK PERDAGANGAN

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad *
8. BNP Paribas Malaysia Berhad *
9. CIMB Bank Berhad
10. Citibank Berhad *
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad *
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. India International Bank (Malaysia) Bhd
15. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
16. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
17. Malayan Banking Berhad
18. Mizuho Bank (Malaysia) Berhad
19. National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad
20. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
21. Public Bank Berhad
22. RHB Bank Berhad
23. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
24. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
25. The Bank of Nova Scotia Berhad
26. The Royal Bank of Scotland Berhad
27. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

BANK ISLAM

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad

3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. AmBank Islamic Berhad (dahulu dikenali sebagai AmIslamic Bank Berhad)
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. HSBC Amanah Malaysia Berhad
11. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
12. Maybank Islamic Berhad
13. OCBC Al-Amin Bank Berhad
14. Public Islamic Bank Berhad
15. RHB Islamic Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

SYARIKAT INSURANS

1. ACE Jerneh Insurance Berhad
2. AIA Bhd.
3. AIG Malaysia Insurance Berhad
4. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
5. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
6. AmGeneral Insurance Berhad
7. AmMetLife Insurance Berhad
8. AXA Affin General Insurance Berhad
9. AXA Affin Life Insurance Berhad
10. Berjaya Sompo Insurance Berhad
11. Etiqa Insurance Berhad
12. Gibraltar BSN Life Berhad
13. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
14. Hong Leong Assurance Berhad
15. Liberty Insurance Berhad (dahulu dikenali sebagai Uni.Asia General Insurance Berhad)

16. Lonpac Insurance Bhd
17. Manulife Insurance Berhad
18. MCIS Insurance Berhad
19. MPI Generali Insurans Berhad (dahulu dikenali sebagai Multi-Purpose Insurans Bhd)
20. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
21. Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
22. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
23. Progressive Insurance Bhd
24. Prudential Assurance Malaysia Berhad
25. QBE Insurance (Malaysia) Berhad
26. RHB Insurance Berhad
27. The Pacific Insurance Berhad
28. Sun Life Malaysia Assurance Berhad
29. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
30. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
31. Tune Insurance Malaysia Berhad
32. Zurich Insurance Malaysia Berhad

PENGENDALI TAKAFUL

1. AIA Public Takaful Bhd.
2. AmMetLife Takaful Berhad
3. Etiqa Takaful Berhad
4. Great Eastern Takaful Berhad
5. Hong Leong MSIG Takaful Berhad
6. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad
7. MAA Takaful Berhad
8. Prudential BSN Takaful Berhad
9. Sun Life Malaysia Takaful Berhad
10. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
11. Takaful Ikhlas Berhad

* menandakan bank ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). SPI ditakrifkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai skim perbankan Islam yang disediakan oleh institusi berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan berasaskan prinsip-prinsip Islam

Lembaga Pengarah

PIDM ditadbir oleh sembilan orang ahli Lembaga Pengarah, dengan perwakilan seimbang daripada sektor awam dan swasta. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal PIDM.

Pengerusi bukan eksekutif mengetuai Lembaga Pengarah manakala wakil-wakil lain termasuk dua ahli *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dua pengarah daripada sektor awam dan empat pengarah daripada sektor swasta dengan tiga orang daripadanya mempunyai pengalaman berkaitan sektor perbankan dan kewangan. Pengerusi dan semua ahli bukan *ex officio* dilantik oleh Menteri Kewangan.



*Tan Sri Datuk
Dr. Abdul Samad Haji Alias*
Pengerusi



*Tan Sri Dato' Sri
Dr. Zeti Akhtar Aziz*



*Tan Sri Dr. Mohd Irwan
Serigar Abdullah*



*Datuk Dr. Rabamat
Bivi Yusoff*



Dato' Halipah Esa



*Encik George Anthony
David Dass*



Encik Lim Tian Huat



*Encik Alex
Foong Soo Hab*



*Encik Mobamad
Abdul Halim Ahmad*

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am yang bukan ahli Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif merupakan ahli *ex officio* jawatankuasa ini. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian yang turut bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya serta menguruskan urusan dan hal ehwal harian PIDM. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memudahkan komunikasi yang efektif, kerjasama berpasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama efektif dalam semua bidang kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.



Jean Pierre Sabourin
Ketua Pegawai Eksekutif



Lim Yam Pob
Pengurus Besar Eksekutif
dan Kaunsel Am



Rafiz Azuan Abdullah
Pengurus Besar Eksekutif



Affeiz Abdul Razak
Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar,
Pengurusan Risiko Organisasi



Lim Lee Na
Setiausaha Korporat



Noorida Babaruddin
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus
Besar, Kewangan dan Pentadbiran



**Wan Ahmad Ikram
Wan Ahmad Lotfi**
Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar,
Audit dan Khidmat Perundingan



Chua Ee Leen
Pengurus Besar,
Perancangan Strategik



Helena Prema John
Pengurus Besar,
Sumber Manusia



Lee Yee Ming
Pengurus Besar, Polisi dan
Antarabangsa



Lim Kong Kuan
Pengurus Besar, Intervensi dan
Resolusi Kegagalan



Lim Tai Ching
Pengurus Besar, Perundangan



Mohd Izazee Ismail
Pengurus Besar, Insurans, Penilaian
dan Pemantauan Risiko




**Syed Mohammed Idid Dato'
Syed Ahmed Idid**
Pengurus Besar, Komunikasi dan
Hal Ehwal Awam

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

Piramid pengurusan strategik kami menunjukkan bagaimana kami membangunkan Rancangan kami dengan menyelaraskan inisiatif kami terhadap objektif korporat bagi mencapai visi dan misi kami untuk memenuhi mandat kami. Rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan di bahagian paling bawah piramid memerlukan pemantauan dan pelaporan terhadap berbanding Rancangan secara berterusan. Ini sejajar dengan komitmen kami ke arah kebertanggungjawaban dan ketelusan yang lebih tinggi dalam memenuhi mandat kami.

Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan strategik kami adalah seperti berikut.



MANDAT

Matlamat Perbadanan ialah untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat di bawah perenggan (b) dan (d), Perbadanan akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

VISI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik.

MISI

Melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti kita dan kakitangan kami.

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

NILAI KORPORAT

Kakitangan PIDM mendukung lima Nilai Korporat dan terus berusaha untuk memenuhi piawaian etika dan urusan tertinggi dalam semua aspek tugas mereka.



PENGELOLAAN KEWANGAN YANG BERHEMAT

PIDM harus melaksanakan integriti kewangan dalam pengurusan operasinya.



KECEMERLANGAN DAN PROFESIONALISME

PIDM menggalakkan kecemerlangan dan profesionalisme dalam mengendalikan urusan dan hal ehwalnya. Kakitangan diharapkan untuk:

- bersikap profesional;
- didorong oleh prestasi;
- mengambil risiko pintar untuk mencapai penyelesaian yang kreatif dan inovatif;
- berusaha mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kerja;
- bertanggungjawab atas tindakan mereka; dan
- menerima kebertanggungjawaban untuk mencapai hasil yang disasarkan.



HORMAT DAN ADIL

Kakitangan harus saling menghormati antara satu sama lain yang mana mereka perlu:

- menghargai dan menghormati kepelbagaian idea dan pandangan;
- menjalin hubungan kerjasama dengan orang lain berasaskan kepada kepercayaan dan rasa hormat; dan
- menghormati perasaan orang lain.

PIDM harus mengurus dan menyokong kakitangannya secara adil dan konsisten dengan:

- menyediakan persekitaran yang mana kakitangan diberikan peluang sama rata dan boleh menunjukkan prestasi optimum;
- memastikan kakitangan diberi pertimbangan bagi kenaikan pangkat berdasarkan keupayaan, prestasi kerja dan kecenderungan;
- membahagikan tugas dengan sewajarnya dengan kuasa dan tanggungjawab yang jelas;
- menggalakkan inovasi dan bekerja dalam suasana berpasukan; dan
- menyatakan harapan dan memantau prestasi.



INTEGRITI DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Kakitangan akan mematuhi piawaian etika tertinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka harus:

- bertindak dan berurusan dengan niat yang ikhlas;
- menampilkan tahap integriti yang tinggi; dan
- mewujudkan suasana kepercayaan dan keyakinan.



KOMUNIKASI DAN KERJA BERPASUKAN

Kakitangan akan mengekalkan komunikasi terbuka dan bekerjasama ke arah mencapai mandat PIDM. Kakitangan akan bekerjasama secara efektif antara satu sama lain bagi mencapai matlamat organisasi yang sama yang mana mereka harus:

- melibatkan diri secara aktif;
- menyediakan dan memperoleh input;
- mengiktiraf sumbangan orang lain;
- berkomunikasi dengan jelas; dan
- bersikap terbuka dan mudah dihubungi pemegang kepentingan.

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

OBJEKTIF KORPORAT

Objektif Korporat kami adalah berdasarkan kepada tiga perspektif, iaitu Pemegang Kepentingan, Tadbir Urus dan Proses Dalaman, serta Pembelajaran dan Pembangunan.



PEMEGANG KEPENTINGAN

PEMEGANG KEPENTINGAN YANG TERDIDIK DAN BERMAKLUMAT

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting kepada keberkesanan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami akan terus berinteraksi dengan semua pemegang kepentingan dan orang awam serta mendidik mereka menerusi kempen kesedaran awam menyeluruh dan program pendidikan serta mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan kami apabila membangunkan peraturan dan garis panduan kami.

PERKONGSIAN EFEKTIF

Berdasarkan model urus kami, perkongsian efektif adalah penting bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik Bank Negara Malaysia, badan pengawal selia lain, penginsurans deposit dan skim jaminan insurans antarabangsa serta penyedia perkhidmatan utama kami. Kami juga akan terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan institusi ahli dan persatuan industri mereka.



TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN

ORGANISASI YANG DITADBIR DAN DIURUS DENGAN BAIK

Kami menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tata laku urus dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif. Bagi mencapai nilai-nilai ini, kami menanda aras diri kami sendiri kepada amalan tadbir urus dan pengurusan utama. PIDM juga akan terus menyokong inisiatif persatuan alumni Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, FIDE FORUM yang bertujuan mengukuhkan kualiti tadbir urus korporat dalam institusi kewangan.

KEUPAYAAN PENILAIAN DAN PEMANTAUAN RISIKO, INTERVENSI SERTA RESOLUSI KEGAGALAN YANG KUKUH

Oleh sebab kesediaan operasi kekal sebagai fokus utama Perbadanan, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan efektif. Kami juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza, Sistem Levi Berbeza serta polisi, peraturan dan garis panduan berkaitan.

AMALAN URUSAN DAN KEWANGAN YANG MANTAP

Bagi mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif, kami terus memastikan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang kukuh untuk kekal terkini dan relevan. Amalan mantap yang mentadbir operasi kami akan didasarkan kepada usaha menanda aras diri kami sendiri kepada amalan terbaik antarabangsa yang berkaitan. Kami juga akan terus membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi memastikan kecemerlangan operasi supaya kami dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab kami secara efektif.



PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

TENAGA KERJA YANG CEKAP DAN BERPENGETAHUAN

Kakitangan kami merupakan aset terpenting. Kami menyediakan pakej penggajian dan program yang kompetitif untuk memperoleh dan mengekalkan tenaga kerja dengan kepakaran, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. Kami komited dalam menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangan kami untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka supaya mereka dapat mencapai potensi penuh mereka.

PERSEKITARAN KORPORAT YANG KONDUSIF

Kami memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporat kami serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat, bebas daripada gangguan serta menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan.

Butiran Hubungan



Talian Maklumat Bebas Tol
1-800-88-1266
Isnin hingga Jumaat
8.30 pagi hingga 5.30 petang

Talian Utama
603 - 2173 7436 / 2265 6565

Faks
603 - 2173 7527 / 2260 7432



www.pidm.gov.my

Soalan-soalan lazim mengenai PIDM,
Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful
dan Insurans terdapat di laman web kami



info@pidm.gov.my



Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Menara Axiata,
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

